

26/01/2001

Pusat Asasi Sains terus dibuka

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

JITRA, Khamis - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah memberi nasihat supaya Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (UM) yang dijadual akan menghentikan operasinya pada April ini, terus dibuka.

"Saya sudah menasihatkan supaya pusat itu terus dibuka," katanya menjawab soalan wartawan mengenai kedudukan pusat pengajian peringkat matrikulasi di UM itu pada sidang akhbar selepas majlis sambutan Aidilfitri, di sini hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan kepada siapa nasihat itu diberikan.

Pusat Asasi Sains yang diwujudkan pada 1977 itu, ditubuhkan untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar Melayu dalam bidang sains pada peringkat pra universiti.

Cadangan penutupan itu bukan saja mendapat bantahan daripada pensyarah sedia ada, malah oleh bekas pelajar serta cendekiawan dan tokoh politik negara.

Sebelum ini, Naib Canselor UM, Prof Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain dilaporkan berkata, pusat itu perlu dihentikan operasinya walaupun Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta cadangan itu dibatalkan.

Akhbar hari ini melaporkan kerajaan mengarahkan UM menarik balik keputusan awal untuk menghentikan operasi Pusat Asasi Sains itu dan surat arahan mengenainya sudah disampaikan kepada Dr Anuar Zaini.

Sementara itu, berucap dalam majlis berkenaan Dr Mahathir berkata seluruh masyarakat di negara ini harus sentiasa bertolak ansur bagi memelihara perpaduan yang menjadi tunjang kemajuan negara.

Katanya, amalan mengadakan rumah terbuka sempena Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Deepavali di negara ini jelas membuktikan semua kaum mengecapi nikmat kemajuan negara.

"Kita perlu berkorban untuk memelihara perpaduan. Kalau kita utamakan diri sendiri, tidak mungkin kita dapat hidup aman.

"Kita perlu banyak bersyukur kerana negara kita tidak ada masalah. Kalau ada orang kata ada orang lapar, itu bohong. Kita tidak mahu permusuhan. Kita mahu perpaduan kerana ia membawa manfaat," katanya.

(END)